

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 NOVEMBER 2016

# Jepun boleh bida projek HSR: Najib

BH - 18/11/2016

➔ Kata putus hanya ditentukan Kerajaan Malaysia, Singapura

**A Jalil Hamid**  
jalil@nstp.com.my

► Tokyo, Jepun



Jepun dipelawa membida projek kereta api berkelajuan tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura tetapi keputusan muktamad akan ditentukan Kerajaan Malaysia dan Singapura, kata Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak.

Merumuskan hasil lawatan kerjanya ke Jepun, Najib menyedari Kerajaan Jepun dan sektor korporat negara itu amat bersungguh-sungguh dalam meyakinkan Kerajaan Malaysia dan Singapura untuk menerima Shinkansen sebagai pilihan.

Beliau berkata, pasukan ketiga pakar antarabangsa akan dilantik bagi menilai tender secara objektif sebelum merujuknya kepada kerajaan kedua-dua negara untuk membuat keputusan.

## Integriti proses tender

“Kita komited dalam memastikan integriti proses tender. Pada peringkat ini, kita tidak boleh membuat tekaan awal siapa yang bakal memperolehnya,” katanya kepada media Malaysia pada akhir lawatan kerjanya ke Jepun, semalam.

Najib berkata, pembida berpotensi perlu memberi ruang proses tender dilakukan secara objektif, telus dan terbuka.

Katanya, pemilihan muktamad akan dibuat berdasarkan ‘bayaran kebolehsediaan’ bagi tempoh 25

tahun, dengan mengambil kira kos kitaran hayat projek dan pakej kewangan mungkin ditawarkan.

“Ada juga beberapa elemen lain dan satu daripadanya ialah keselamatan penumpang,” katanya.

Najib dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian bilateral bagi membangunkan projek HSR di Johor Bahru pada 5 Disember ini.

Jepun bersungguh-sungguh dalam meyakinkan Malaysia dan Si-

ngapura untuk memilih sistem kereta api laju Shinkansen negara itu, yang beroperasi sejak 52 tahun lalu serta sudah dieksport ke Taiwan dan bakal ke India.

Jepun bersaing dengan pembuat HSR dari China, Korea Selatan dan Eropah bagi mengendalikan projek HSR Kuala Lumpur-Singapura, dianggar bernilai antara RM60 bilion hingga RM65 bilion.

Semalam, Abe dilaporkan berkata, perkara itu dibangkitkan dalam perbincangan bersama Najib.



Najib dan Rosmah bergambar dengan Abe dan isteri, Akie Abe pada majlis makan malam di Tokyo.